

**UNIT PELANCONGAN
MAJLIS DAERAH KUBANG PASU**

**LAPORAN
KUBANG PASU FRIDAY NIGHT
RIDE 2017**

**TARIKH:
29 SEPTEMBER 2017**

**TEMPAT:
DATARAN DARULAMAN, JITRA**

**ANJURAN:
MAJLIS DAERAH KUBANG PASU**

1.0 PENGENALAN

Program “Kubang Pasu Friday Night Ride 2017” ini diadakan bagi mempromosikan dan menarik minat masyarakat Malaysia terutamanya generasi muda untuk mengadakan pelbagai aktiviti seperti aktiviti sukan dan kebudayaan serta menikmati keindahan pemandangan pada waktu malam di Daerah Kubang Pasu.

2.0 LATAR BELAKANG

Program “Kubang Pasu Friday Night Ride 2017” ini telah diadakan pada 29 September 2017 di Dataran Darulaman, Jitra Kedah. Terdapat 600 orang peserta telah menyertai program ini. Antaranya daripada negeri Thailand, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah terutamanya. Matlamat aktiviti kayuhan di sekitar kawasan tempat pelancongan di Daerah Kubang Pasu adalah bagi mempromosikan aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan pada waktu malam di Daerah Kubang Pasu. Kaedah pelaksanaan program adalah daripada jawatankuasa yang telah dilantik. Yuran penyertaan yang dikenakan untuk para peserta adalah sebanyak RM 40. Pihak penganjur telah membekalkan t-shirt, no bib, medal, dan cabutan bertuah. Program ini telah melibatkan pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta. Antaranya adalah Ahli Parlimen Kubang Pasu, Adun Jitra, Jabatan Belia dan Sukan, Pejabat Belia Daerah Kubang Pasu, PDRM, RELA, PBSM, Majlis Belia Daerah Kubang Pasu, Sports and Pro Apparel dan syarikat Merida Printing and Advertising.

3.0 HURAIAN PENILAIAN

Para peserta memberikan komen yang positif terhadap program ini. Diharap program ini akan menjadi acara tahunan pada masa akan datang. Trek santai yang disajikan dapat memberi kepuasan kepada para peserta yang berkayuh.

4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Melalui program yang diadakan ini dapatlah kita mengamalkan gaya hidup sihat. Aktiviti kayuhan dapat mengeratkan silaturahmi antara satu sama lain. Program ini dapat membentuk sahsiah diri dan mengisi masa lapang bagi setiap peserta. Keindahan malam di Daerah Kubang Pasu dapat diterjemahkan melalui kayuhan ini.

5.0 KEMAJUAN / MASALAH

- 5.1 Gaya hidup sihat
- 5.2 Kebersihan kawasan
- 5.3 Menerap kerjasama daripada semua pihak
- 5.4 Meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat

6.0 CADANGAN

- 6.1 Kawasan sekitar perlu dijaga dan diselenggara
- 6.2 Gotong – royong perlu diadakan tiga bulan sekali
- 6.3 Kemudahan awam perlu dinaiktaraf
- 6.4 Mengadakan aktiviti mingguan seperti Zumba, jualan

7.0 GAMBAR AKTIVITI



PELEPASAN PESERTA OLEH
YB DATO'JOHARI BAHAROM



PERASMIAN PROGRAM OLEH
YB DATO'JOHARI BAHAROM



PESERTA KAYUHAN



PESERTA KAYUHAN



PEMENANG UTAMA CABUTAN BERTUAH



BATTLE OF THE BAND



ANTARA CREW TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN KPFNR17